



Kempen Perak Yang Bersih *Bersama Membudayakan Kebersihan*

Menarik Di Dalam



- Kaunter Bergerak : Ke Arah Meningkatkan Mutu Perkhidmatan
- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016/2017

Pelancaran Bangunan LA21 Kerian ●

Program Merakyatkan Seni dan Budaya ●

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera, Salam 1st Malaysia, Salam Perak Amanjaya dan Salam Sehati Sejiwa kepada semua pembaca yang budiman.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan izinnya buletin Majlis Daerah Kerian edisi pertama tahun 2017 telah berjaya diterbitkan dan saya mengucapkan terima kasih serta sekalung tahniah kepada sidang redaksi yang telah bertungkus lumus menghasilkan buletin ini bagi memaparkan segala aktiviti yang telah dilaksanakan untuk tatapan semua terutamanya kepada masyarakat di daerah Kerian.

Tahun 2017 merupakan tahun yang mencabar kepada seluruh warga kerja majlis kerana terdapat pelbagai perancangan program dan aktiviti telah di atur sama ada dari pihak majlis mahupun kerajaan negeri. Pihak pengurusan majlis juga telah meletakkan sasaran agar perkhidmatan perbandaran dapat dipertingkatkan berbanding tahun lalu bagi memastikan rakyat di daerah Kerian berpuas hati dengan mutu perkhidmatan yang diberikan.

YAB Menteri Besar Perak juga telah melancarkan kempen Perak yang Bersih sebagai salah satu usaha kerajaan negeri memastikan setiap kawasan di dalam negeri Perak bebas dari sampah sarap. Kerajaan negeri juga telah menetapkan KPI kepada semua Pihak Berkusa Tempatan Negeri Perak bagi memastikan kempen ini dilaksanakan sepanjang tahun dan diteruskan pada masa akan datang.

Pihak majlis juga telah mengambil inisiatif dengan merangka beberapa program bersama penduduk tempatan, JKKK, JPP, badan Kerajaan dan NGO bagi mendapatkan idea dan kaedah pelaksanaan setiap program supaya semua golongan masyarakat dapat turut serta di dalam kempen yang dilaksanakan. Antara program yang dilaksanakan oleh pihak majlis seperti aktiviti gotong - royong, bengkel "brainstorming" bersama jawatankuasa penduduk, edaran risalah di pasar malam dan pasar awam serta program - program riadah yang lain.


Saya berharap segala usaha yang dilaksanakan dapat memberi kesedaran kepada semua pihak dalam menjaga kebersihan persekitaran dan tidak terlalu bergantung pada perkhidmatan perbandaran yang diberikan sahaja kerana masyarakat juga perlu bersama pihak kerajaan bagi memastikan kempen Perak yang bersih ini tercapai dan menjadikan negeri Perak sebagai negeri yang terbersih di Malaysia. " Bersama Membudayakan Kebersihan"

Sekian, Terima Kasih

Hj. Abd. Khair Bin Hj. Ahamed

Yang Dipertua

Majlis Daerah Kerian



Perutusan Yang Dipertua

Sidang Ridaksi

PENAUNG :

HJ. ABD. KHAIR BIN HJ. AHAMAD

PENASIHAT :

EN. MOHAMAD RAZIF BIN HJ. RAMLI

KETUA EDITOR :

EN. AZIZUL NAZLI BIN HJ. ABD HADI

EDITOR :

PN. FATIMAH BINTI MAN

PN. SALIZA BINTI ISA

PN. NOORSHALINA BINTI PIN

EN. SHEIKH HALIM BINTI SAMSUDIN

EN. MOHD HAFIZ BIN YAHYA

PN. NORMEZURA BINTI MEHAT

PN. NOORSHEZAN BINTI SA'ADAN

PN. SOLEHAH BINTI SAAD

JURUGAMBAR :

EN. ZAINURUL HISHAM BIN ZAINAL ABIDIN

Isi Kandungan

m/s 3

MAJLIS ANGKAT
SUMPAH AHLI
MAJLIS PENGAL
2017/2018
CABUTAN BONANZA
CUKAI TAKSIRAN

m/s 4

MAJLIS ANUGERAH
PERKHIDMATAN
CEMERLANG,
PERSARAAN
2016/2017

m/s 5

SENARAI PENERIMA ANUGERAH
PERKHIDMATAN TERPUJI 2015/2016
PENERIMA ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG
2015/2016

m/s 6

BENGKEL DAN TAKLIMAT
KE ARAH PERAK YANG BERSIH

m/s 7

PROGRAM MERAKYATKAN
SENI DAN BUDAYA:
FESTIVAL ADAT
MASYARAKAT BANJAR

m/s 8

CERAMAH KESIHATAN
PEKERJAAN
PEMERIKSAAN KESIHATAN &
PENGUATKUASAAN

m/s 9

KARNIVAL KERJAYA
KURSU PENGUKUHAN PASUKAN
MAJLIS PENYERAHAN PEKAN
KECIL PKNP
MESYUARAT AGONG
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN

m/s 10

CELEBRATING VISIT PERAK YEAR 2017
MY PERAK GREEN & CLEAN CAMPAIGN
PROGRAM PENGINDAHAN DAN KECERIAAN
-SEKOLAH DALAM TAMAN-

m/s 11

BANGUNAN LA 21 KERIAN
PUTUS KOMUNITI SETEMPAT

m/s 12

PELANCARAN KEMEN
PERAK YANG BERSIH

m/s 13

TOWNHAL DAN PENGUNDIAN
TAMAN PIANDANG INDAH

m/s 14

PELANCARAN KAUNTER BERGERAK
KUALA KURAU RUN
CABUTAN TAPAK EKSPLO
DAN PASAR RAMADAN
KEJOHANAN MUAY THAI
TERBUKA KERIAN

m/s 15

JASAMU DIKENANG
TERIMA KASIH
SELAMAT DATANG
KELUARGA BARU MDK

m/s 16

SELAMAT TAHUN BARU 2017

MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS PENGGAL 2017/2018

Seramai 22 orang Ahli Majlis telah mengangkat sumpah menerima jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Kerian tahun 2017 / 2018 bermula dari 01 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2018.

Pihak tertinggi majlis mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Ahli Majlis yang dilantik dan diharapkan Ahli Majlis dapat memberi komitmen sepenuhnya dalam membantu majlis meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.



CABUTAN BONANZA CUKAI TAKSIRAN



Majlis Daerah Kerian buat pertama kalinya telah mengadakan Cabutan Bonanza kepada pemilik premis kediaman atau perniagaan yang terletak di dalam kawasan pentadbiran majlis. Program ini bagi menggalakkan pemilik harta agar menjalankan tanggungjawab membayar cukai taksiran. Program yang dilaksanakan oleh Jabatan Penilaian bersama Jabatan Perbendaharaan. Majlis ini mendapat maklum balas yang baik daripada masyarakat setempat dan jumlah kutipan cukai taksiran juga telah meningkat berbanding tahun sebelumnya.





MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG, PERSARAAN 2016/2017

3 April - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Persaraan Majlis Daerah Kerian bagi tahun 2016/2017 telah diadakan di Dewan Merdeka, Parit Buntar. Majlis tersebut diadakan bagi menghargai 33 warga kerja majlis yang telah mencapai prestasi yang cemerlang dan membanggakan sepanjang tahun 2016 berdasarkan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang telah dikemukakan oleh jabatan masing - masing dan majlis tersebut juga turut menghargai 7 orang kakitangan yang telah bersara.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh YB. Dato' Seri Abdul Puhat Bin Mat Nayan (Setiausaha Kerajaan Negeri Perak) . Majlis juga turut dihadiri oleh YB. Dato' Sham Bin Mat Sahat (ADUN Alor Pongsu), En. Ahmad Munir Bin Ishak (Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak), En. Mohd Sabli Bin Bakri (Pegawai Daerah Kerian) dan Tn. Omar Bin Bakhtiar (Ketua Polis Daerah Kerian).

Pihak tertinggi majlis mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah yang telah memberikan komitmen yang tinggi di dalam kerja yang telah diberikan dan diharapkan ia akan menjadi contoh serta pembakar semangat kepada anggota kerja yang lain bagi membolehkan mereka mendapat pengiktirafan seperti ini. Pihak majlis juga ingin merakamkan penghargaan kepada pesara yang telah menabur bakti dan jasa di sepanjang mereka berkhidmat bersama pihak majlis.



Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji 2015/2016

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	MOHD ABD HADI BIN ISMAIL	PEMBANTU AWAM
2	MUHAMAD RUIZ BIN ABD RAHIM	PEMBANTU AWAM
3	MUSA BIN MUHAMAD	PEMBANTU AWAM
4	MALIK RIDZOAN BIN OTHMAN	PEMBANTU AWAM
5	MOHD LUTFI BIN OSMAN	PEMBANTU AWAM
6	MOHAMAD NORI BIN ALI	PEMBANTU AWAM
7	ABU HASAN BIN MD SAID	PEMBANTU AWAM
8	MOHAMAD ZAINI BIN YAKOB	PEMBANTU AWAM
9	ABDUL SAHIM BIN HASAN	PEMBANTU AWAM

10	YAHAYA BIN MD ARIFF	PEMBANTU AWAM
11	MOHD RADZI BIN JAMAN	PEMBANTU AWAM
12	ALIAS BIN AYOB	PEMBANTU AWAM
13	NORDIN BIN ABDUL HAMID	PEMBANTU AWAM (MANDUR)
14	SHEIKH HALIM BIN SAMSUDIN	PEMBANTU KESIHATAN AWAM
15	AZAMI BIN ISMAIL	PEMANDU KENDERAAN
16	ABDUL AZIZ BIN MAT NOR	PEMANDU KENDERAAN
17	ZULHISHAM BIN ABAS	PEMANDU KENDERAAN
18	MOHAMMAD AZIAN BIN ABD LATIF	PEMBANTU PENGUATKUASA

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015/2016



AZLITA BT. ZAINAL ABIDIN
Penolong Jurutera



NORAZILLA BT. MAHAT
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran



MOHAMAD AZIAN B. ABD LATIF
Pembantu Penguat Kuasa



SULAIMAN B. MOHAMED
Pen. Peg. Perancang Bandar



AMIRUDDIN B. NYUB
Pembantu Awam



MUHAMAD IZUDIN B. ISMAIL
Penolong Akauntan



SITI ZURAYDAH BT. SA'ARIN
Pemandu Tadbir



ISMAIL B. RASHID
Pemandu Kenderaan



MOHD ZAINI B. YAAKOB
Pemandu Awam



ABDUL HAMID B. YUSOF
Pembantu Awam



ARFA'I B. EZAM
Pemandu Kenderaan



MOHD ARSHAD B. BADRI
Pembantu Awam



MOHD NADZARI B. CHE DON
Pembantu Awam



RAMESH A/L SUBRAMANIAM
Pembantu Awam



ROSELE B. HAMED
Pembantu Awam



ROSLE B. YAHAYA
Pembantu Awam



Bengkel Dan Taklimat ke arah Perak Yang Bersih

Pihak Majlis Daerah Kerian telah mengadakan satu bengkel dan taklimat ke arah mencapai seruan kerajaan negeri bagi menjadikan Negeri Perak sebuah negeri yang terbersih di Malaysia. Bengkel dan taklimat ini menyasarkan kepada JPP, JKPK, KRT, NGO serta agensi kerajaan yang terdapat di dalam kawasan daerah Kerian kerana jawatankuasa ini merupakan wakil kepada masyarakat di dalam lokaliti mereka.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk menyampaikan hasrat kerajaan negeri kepada pengetahuan masyarakat dan mendapatkan idea serta maklumat bagi menjayakan kempen "Perak Yang Bersih". Ini akan memudahkan perancangan sesuatu program di sesebuah kawasan melalui input - input yang diterima.

Taklimat telah disampaikan oleh En. Mohamad Razif Bin Ramli (Setiausaha Majlis Daerah Kerian) dan sesi soal jawab juga turut diadakan di sepanjang program berkenaan. Majlis yang diadakan di Dewan Komuniti Bagan Serai tersebut dirasmikan oleh YB. Dato' Sham Bin Mat Sahat (ADUN Alor Pongsu).



BERSAMA MEMBUDAYAKAN KEBERSIHAN



Tarikh : 8 April 2017
Lokasi : SK. Teluk Medan
Penglibatan : Guru dan Pelajar


Tarikh : 16 April 2017
Lokasi : Pekan Baru
Penglibatan : Penduduk , COMB peniaga dan JPP zon 1



Tarikh : 29 April 2017
Lokasi : Lembah Beriah
Penglibatan : Persatuan Penjaja & Peniaga



Tarikh : 23 April 2017
Lokasi : Pekan Bagan Tiang
Penglibatan : JKPK & Penduduk



Tarikh : 21 April 2017
Lokasi : Pasar Awam Parit Buntar
Penglibatan : Persatuan Penjaja & Peniaga

Majlis Daerah Kerian dengan kerjasama Tourism Perak dan Kelab Kulaan Malaysia. Kerian telah menganjurkan satu program Merakyatkan Seni dan Budaya yang memfokuskan kepada adat istiadat Masyarakat Banjar yang merupakan salah satu etnik paling ramai di kawasan daerah Kerian.

Program ini diadakan pada 8 - 9 April 2017 bertempat di Dewan Dato' Zainal Abidin Zon Bagan Serai di mana pelbagai program dan aktiviti telah disusun sepanjang program berkenaan antaranya pertandingan mewarna, sukaneka, memasak gulai kawah, pertandingan memasak banjar, galeri banjar dan pertandingan berpukong. Program berkenaan juga turut melibatkan pelajar luar negara daripada Universiti Teknologi Petronas (UTP) untuk mempelajari dan memahami keunikan budaya masyarakat banjar ini.

Program berkenaan telah dirasmikan oleh YB. Dato' Nolee Ashlin Binti Mohammed Radzi Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian Kebudayaan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak. YB. Dato' mengharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang dalam menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke daerah Kerian secara khususnya dan negeri Perak amnya bagi mengenali dengan lebih mendalam adat dan budaya masyarakat banjar ini.

Di dalam program berkenaan juga, YB. Dato' Exco akan berusaha membantu merealisasikan permohonan bagi mewujudkan galeri banjar di daerah Kerian kerana ia akan menjadi salah satu daya tarikan baharu menarik orang ramai ke sini. Selain itu juga, artifak serta barang-barang sejarah masyarakat ini dapat terpelihara sekiranya ditempatkan di galeri berkenaan. Selain itu, YB. Dato' Exco juga turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan fotografi yang dianjurkan oleh pihak majlis.

Program berkenaan turut dihadiri oleh YB. Dato' Sham bin Mat Sahat (ADUN Alor Pongsu) merangkap penasihat Kelab Kulaan Malaysia Kerian, (Pegawai Daerah Kerian) En. Mohd Sabli Bin Bakri, YB. Dato' Dr. Noor Azmi (Ahli Parlimen Bagan Serai), En. Mohd Roslan Bin Abdulrahman (Pengarah Negeri Tourism Malaysia Perak) serta YDH. Dato' Hj. Meor Redwan Bin Mahayuddin.

Program Merakyatkan Seni Dan Budaya Festival Adat Masyarakat Banjar



25 JAN

Jabatan Kesihatan Persekutuan Majlis dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kerian telah mengadakan satu program kesedaran kepada semua anggota kerja terutamanya yang bertugas di jabatan berkenaan tentang penjagaan kesihatan dan keselamatan semasa melaksanakan tugas.

Ceramah telah disampaikan oleh

Dr. Rosilawati Binti Abdul Rani .

Ceramah Kesihatan Pekerjaan



8 MAC

Majlis Daerah Kerian dengan kerjasama

Pejabat Kesihatan Daerah Kerian telah menjalankan operasi ke atas pusat hiburan dan pusat refleksologi di sekitar daerah Kerian.

Penguatkuasaan yang dilakukan ini bertujuan setiap premis perniagaan berkenaan mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak majlis dan pejabat kesihatan. Operasi bermula pada jam

9.00 malam dan berakhir pada

jam 12.00 malam.

Pemeriksaan Kesihatan & Penguatkuasaan



Karnival Kerjaya

Program Karnival Kerjaya dan Pendidikan Belia Negara 2017 yang pertama kali dianjurkan di daerah Kerian yang diakan pada 25 - 26 Mac 2017 bertempat di Dataran Alamanda Parit Buntar telah berjaya menarik minat 5000 golongan belia untuk datang membanjiri kawasan berkenaan untuk merebut peluang pekerjaan dan perkongsian maklumat melalui pelbagai aktiviti di sepanjang program berlangsung.

Program ini adalah anjuran bersama Majlis Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan Kerajaan Negeri Perak. Sebanyak 30 syarikat dan 25 institusi pengajian telah turut serta di dalam karnival berkenaan di mana memberi peluang kepada golongan belia untuk mencari peluang pekerjaan melalui temu duga terbuka atau untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, pihak kerajaan negeri juga telah menganjurkan sesi bicara petang membincangkan berkaitan Transformasi Nasional (TN50) yang telah menarik minat orang ramai ke sesi berkenaan. Di dalam sesi berkenaan En. Muammar Ghadafi Jamal (Presiden Majlis Belia Malaysia) sebagai moderator manakala panel terdiri daripada Datuk Shahrul Zaman Yahya (Exco Kerajaan Negeri Perak), dan Dato' Bakar Bin Mat Ali (Pegawai Khas YAB. Menteri Besar). Melalui sesi ini, para belia boleh melontarkan idea arah tuju yang mereka inginkan pada masa akan datang.

Karnival tersebut juga diserikan lagi dengan kehadiran pelawak dan pelakon Syuib Sepahtu dan Dira Abu Zahar. Mereka juga turut berkongsi pengalaman kehidupan sebelum mereka bergelar artis.

Majlis Penyerahan Pekan Kecil PKNP



Tarikh : 12 Feb 2017
Tempat : Dataran Amanjaya Semanggol

Kursus Pengukuhan Pasukan

2-4 FEB Jabatan khidmat Pengurusan telah mengadakan kursus pengukuhan pasukan edisi pertama tahun ini bertempat di Kamar Lodge Taiping yang melibatkan seramai 31 orang anggota kerja Majlis Daerah Kerian dari pelbagai kumpulan.



Mesyuarat Agong Kelab Sukan Dan Kebajikan



Tarikh : 2 Mac 2017
Tempat : Dewan Seri Kerian



Bangunan LA 21 Kerian Pusat Komuniti Setempat

1 April - Satu majlis pelancaran Pusat Komuniti Setempat telah berjaya dilaksanakan bertempat di Bangunan LA 21 Taman Damai Parit Buntar. Bangunan berkenaan akan dijadikan pusat untuk pelaksanaan program Majlis Masyarakat Sivil dan LA 21 Kerian bersama komuniti setempat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB. Dato' Hj. Samsudin Bin Abu Hassan (Exco Kerajaan Negeri Perak) dan turut dihadiri oleh Pegawai Daerah Kerian dan Ketua Polis Daerah. Yang Dipertua Majlis berharap agar orang ramai terutamanya pihak NGO dapat menggunakan bangunan ini dengan sebaik mungkin bagi menjalankan sebarang aktiviti yang melibatkan masyarakat setempat.

Pelbagai program telah diatur seperti senamrobik, sepak raga tuju, pertandingan mewarna, pameran daripada jabatan, pengumpulan barang kitar semula dan persempahanan daripada PDRM. Orang ramai juga turut berpeluang untuk melawat di dalam bangunan komuniti berkenaan bagi melihat dan mendapatkan maklumat berkaitan fungsi serta peranan Majlis Masyarakat Sivil dan LA 21 Kerian.

BERSAMA MEMBUDAYAKAN KEBERSIHAN



Pelancaran Kempen Perak Yang Bersih

29 Julai – Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Majlis Daerah Kerian yang diadakan di perkarangan majlis disambut meriah dengan kehadiran hampir 1000 orang tetamu daripada agensi - agensi kerajaan, swasta, agensi teknikal, pihak sekolah, pihak kontraktor dan juga orang awam.

Pelbagai jenis juadah disediakan untuk tetamu yang hadir ke Majlis Ramah Mesra Aidilfitri ini dimana kesemua makanan disediakan oleh setiap jabatan yang terdapat di Majlis Daerah Kerian.

Pihak majlis juga menerima sumbangan banting sebanyak 100 unit daripada pihak Fiber UP Prebiotik sempena sambutan hari kemerdekaan untuk dipasang di dalam kawasan daerah Kerian. Pihak majlis juga turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir.





Townhall Dan Pengundian Taman Piandang Indah

Satu sesi townhall telah diadakan di Pejabat Penghulu Tg. Piandang bagi menyelesaikan masalah berkaitan pembinaan jalan baru di dalam kawasan Taman Piandang indah. Sesi townhall pada kali ini juga turut menjalankan proses pengundian bagi mendapatkan persetujuan secara rasmi daripada semua penduduk yang berada di kawasan berkenaan. Setiausaha Majlis, En. Mohamad Razif Bin Hj. Ramli menyampaikan taklimat awal kepada semua penduduk terlebih dahulu sebelum sesi soal jawab dilaksanakan. Turut sama hadir ke sesi berkenaan Penghulu Tg. Piandang, Ahli Majlis dan wakil daripada PDRM.



Celebrating Visit Perak Year 2017 My Perak Green & Clean Campaign

19 Jan - Majlis Daerah Kerian telah berjaya memenangi 2 anugerah pertandingan yang dianjurkan oleh pihak Tourism Perak bagi kempen Tahun Melawat Perak 2017. Pertandingan yang diadakan ini menekankan aspek keceriaan, keindahan dan pelbagai aspek lain sebagai destinasi pelancongan di daerah.

Pihak majlis telah berjaya mendapat tempat pertama bagi kategori Kemudahan Awam dan Infrastruktur dan tempat kedua bagi kategori Lanskap. Hadiah telah disampaikan oleh YAB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir (Menteri Besar Perak) bertempat di Dewan Hajah Tuminah, Bagan Datuk.

Program Pengindahan Dan Keceriaan - Sekolah Dalam Taman -

15 Mac - Majlis Daerah Kerian dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Bagan Serai telah mengadakan satu program pengindahan dan keceriaan di mana sekolah berkenaan telah dipilih sebagai sekolah angkat untuk hiasan landskap.

Program dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Tn. Hj. Abd Khair Bin Ahamad dan turut dihadiri oleh YB. Dato' Sham Bin Mat Sahat (ADUN Alor Pongsu). Pihak majlis telah menyumbangkan pokok hiasan bagi menceriakan landskap kawasan sekolah berkenaan terutamanya di pintu masuk utama. Yang Dipertua Majlis juga bercadang untuk melaksanakan lagi program yang sebegini kepada sekolah - sekolah lain di daerah Kerian pada masa akan datang.



Pelancaran Kaunter Bergerak



Cabutan Tapak Ekspo Dan Pasar Ramadan



Tarikh : 18 April 2017
Tempat : Dewan Seri Kerian

Kejohanan Muay Thai Terbuka Kerian



Tarikh : 11 Mac 2017
Tempat : Dewan Kerian Permai, Parit Buntar

Kuala Kurau Run

Tarikh : 18 Mac 2017
Tempat : Pekan Kuala Kurau
Bil. Peserta : 1300 orang



CHIGU

JASAMU DIKENANG TERIMA KASIH



YUSUP BIN ROMLEE
JAWATAN
PEMANDU KENDERAAN H11
TEMPOH PERKHIDMATAN
11 TAHUN
1 JAN 2005 HINGGA 25 OGOS 2016



AHMAD TAUFIK BIN ABDUL RAHMAN
JAWATAN
PEMBANTU TADBIR N19
TEMPOH PERKHIDMATAN
10 TAHUN
2 JUL 2007 HINGGA 9 JAN 2017



SANDHAKUMARIN A/L SUPPIAH
JAWATAN
PEMANDU KENDERAAN H11
TEMPOH PERKHIDMATAN
35 TAHUN
1 OGOS 1981 HINGGA 25 OGOS 2016



ANNANTAI A/P MUNUSAMY
JAWATAN
PEKERJA AWAM R1
TEMPOH PERKHIDMATAN
20 TAHUN
1 FEB 1996 HINGGA 6 OGOS 2016



SUBAFARMAN A/L MUNIANDY
JAWATAN
PEMBANTU AWAM H11
TEMPOH PERKHIDMATAN
36 TAHUN
1 OGOS 1981 HINGGA 27 MAC 2017



NORDIN BIN ABDUL HAMID
JAWATAN
PEMBANTU AWAM H11
TEMPOH PERKHIDMATAN
33 TAHUN
1 MEI 1984 HINGGA 28 JANUARI 2017



MARIA AROKIAM A/'L ARIAPAN
JAWATAN
PEKERJA AWAM R1
TEMPOH PERKHIDMATAN
16 TAHUN
15 MAC 2000 HINGGA 2 SEPT 2016

SELAMAT DATANG KELUARGA BARU MDK

NAMA	JAWATAN	
ASRUL NIZAM BIN CHE YA	PEMANDU KENDERAAN	
MOHD AZSHADIQ BIN MOHD NADZARI	PEMANDU KENDERAAN	
MUHAMMAD NAQIBUDDIN BIN AHMAD SHUHAIMI	PEMANDU KENDERAAN	
NOR AZMAN BIN DAHAMAT	PEMANDU KENDERAAN	
ZULKIFLI BIN MD DESA	PEMANDU KENDERAAN	
ABDUL HADI BIN ABDULLAH	PEMBANTU AWAM	
ABU YAZID BIN YAHYA ARIF	PEMBANTU AWAM	
AHMAD SYAZWAN BIN AHMAD MOKTAR	PEMBANTU AWAM	
AMY FAIZAL BIN MOHAMMAD	PEMBANTU AWAM	
JUNIZA BINTI AHMAD ZAMRI	PEMBANTU AWAM	
JOHARI BIN AHMAD	PEMBANTU AWAM	
MOHAMAD ZAIROL FAIZAL BIN ARSHAD	PEMBANTU AWAM	
MOHAMAD SHAMIL ALIFF BIN SHUKAT ALI	PEMBANTU AWAM	
MOHD ASRI BIN MOHAMMAD	PEMBANTU AWAM	
MOHD AZROL BIN ABU BAKAR	PEMBANTU AWAM	
MOHD NAIEMI BIN MASRUDDIN	PEMBANTU AWAM	
MOHD NASIR BIN SHAIRI	PEMBANTU AWAM	
MOHD RAZIF BIN AHMAD ZAINI	PEMBANTU AWAM	
MUHAMAD ALIFF BIN MAT SAAD	PEMBANTU AWAM	
		MUHAMAD NAZRI BIN ABDUL AZIZ
		MUHAMMAD FARAHI RAWIYANI B. SALLEH
		MUHAMMAD FITRI BIN ROSELE
		MUSTAFFA BIN SAARI @ SHAARI
		NUR ASYRAF BIN TUKIRAN
		SHAHIDDAN BIN SHAMSUDIN
		SYAHRULRIZAL BIN AMIN
		YUSHANIZAN BIN MOHAMAD YUSOP
		SAIFUL LIZAN BIN SHAMSUDIN
		HADI BIN ABD RAHMAN
		GHAZALI BIN MOHD HANIF
		HILMI BIN ISMAIL
		KAMALESWARY A/P YANASEGRAN
		MOHAMAD FAIZ AZRULDIN BIN AZHARI
		NOREEN SABRIENA BINTI ABDUL AZIZ
		NORSHAHIDA BINTI NAWAYI @ NAWAWI
		NUR MAZIAH BINTI ROSLEE
		ROHAYU BINTI MOHD SHABRI
		ZULHAIRIE BIN ZAINAL ABIDIN
		NOOR IZANA BINTI SHAHARIN
		MOHAMAD AMIRUL AIZAM B. JAAAFAR
		PEN. PEGAWAI PENILAIAN
		PEMOLONG AKAUNTAN

SELAMAT TAHUN BARU 2017



Majlis Daerah Kerian
No. 1, Wisma MDK,
Jalan Padang, 34200 Parit Buntar, Perak
Tel : 05 716 1228 Faks : 05 716 9268